

02 MAY 1997

MENTERI LUAR DJIBOUTI TIBA DI MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Djibouti Mohamed Moussa Chehem akan tiba di sini esok bagi lawatan rasmi empat hari.

Mohamed Moussa akan diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar negara itu serta duta Djibouti ke Jepun.

Beliau dijangka menyampaikan jemputan daripada presiden republik itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri mesyuarat meja bulat mengenai pembangunan semula ekonomi Djibouti di Geneva.

Mohamed Moussa juga dijangka menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya Datuk Abdullah Ahmad Badawi. Beliau juga akan menghadiri sesi taklimat di Unit Perancangan Ekonomi, Petronas, Persatuan Malaysia-Selatan-Selatan dan Malaysian International Shipping Corporation (MISC). -- BERNAMA

HJ PR